



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10

30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001

*Kertas Seminar 1: Sifat, Keilmuan
dan Tingkah Laku Pemimpin-Pemimpin
dalam Hikayat Melayu Lama: Suatu
Dongeng atau Penyataan Tuntutan?*

**Dr. ISHAK BIN SIN
Timbalan Pengarah IAB**

DENGAN KERJASAMA

UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD

KESEADUAN PENGURUSAN DAN KEPEMILIHAN PENGURUSAN KEPERAWATAN DAN TUNTUTAN

1. Untuk memenuhi tujuan penelitian ini, maka diperlukan data yang meliputi data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif diperoleh dari hasil pengisian kuisioner yang telah dibagikan kepada responden.

2. Untuk memenuhi tujuan penelitian ini, maka diperlukan data yang meliputi data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif diperoleh dari hasil pengisian kuisioner yang telah dibagikan kepada responden.

SIFAT-SIFAT DAN TINGKAH LAKU PEMIMPIN- PEMIMPIN DALAM HIKAYAT MELAYU LAMA: ADAKAH DONGENG ATAU SUATU TUNTUTAN?

Oleh

ISHAK BIN SIN
Timbalan Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Genting Highlands

Dibentangkan dalam Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Kali Ke-10, Pada 30 Oktober 2001, di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

1. Pendahuluan

Sesiapa pun boleh menjadi pemimpin, tidak kira seseorang itu orang biasa atau sebagainya, asalkan beliau berkeupayaan mempengaruhi atau mendorong orang lain melakukan apa-apa perkara yang beliau ingin capai (Cohen 1990). Definisi ini juga membawa pengertian bahawa sesiapa sahaja yang berpengaruh ke atas kelompoknya, bererti orang berkenaan boleh disifatkan sebagai pemimpin kelompok berkenaan. Namun begitu, untuk berkeupayaan mempengaruhi orang lain, seseorang itu memerlukan sifat-sifat dan tingkah laku tertentu. Kajian-kajian tentang kepimpinan telah mendapati bahawa sifat dan tingkah laku seseorang adalah merupakan ciri-ciri yang membezakan di antara pemimpin dengan orang yang dipimpin (Howell & Costley 2001; Lussier & Achua 2001).

Berasaskan premis di atas, Awang Sulung Merah Muda tokoh pusat dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda (Pawang Ana & Raja Haji Yahya 1970), Anggun Che Tunggal hero dalam Hikayat Anggun Che

Tunggal (Pawang Ana & Raja Haji Yahya 1964), Hang Tuah yang merupakan hero dalam Hikayat Hang Tuah (Kassim Ahmad, pnyt. 1975), bolehlah dianggap sebagai pemimpin-pemimpin yang paling berpengaruh dalam hikayat-hikayat berkenaan. Apakah sifat-sifat dan tingkah laku yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin Melayu lama ini? Adakah sifat dan tingkah laku mereka selari dengan sifat dan tingkah laku yang terdapat dalam teori-teori kepemimpinan moden?

2. Sifat-sifat dan Tingkah Laku Pemimpin Mengikut Teori Kepimpinan Moden.

Mengikut teori kepemimpinan moden, kajian-kajian yang dijalankan tentang kepemimpinan adalah bertujuan untuk mengetahui mengapakah seseorang pemimpin itu berkesan atau sebaliknya. Untuk mencapai tujuan ini kajian yang paling awal adalah kepada sifat-sifat atau ciri-ciri peribadi (personaliti) individu (Bass 1990; Howell & Costley 2001). Penumpuan ke atas sifat-sifat peribadi ini adalah berasaskan kepada andaian bahawa pemimpin-pemimpin yang berkesan pasti mempunyai sifat-sifat tertentu. Sifat-sifat yang dimiliki pemimpin dalam bentuk fizikal, kecerdasan dan personaliti tertentu diandaikan tidak dimiliki oleh bukan pemimpin. Sifat-sifat fizikal yang menjadi tumpuan penyelidikan ialah umur, ketinggian, berat badan, perawakan dan personaliti. Tergolong dalam aspek personaliti ialah keupayaan, pencapaian, tanggungjawab, penyertaan dan status (Bass 1990). Teori ini dikenali juga sebagai 'Teori Orang Kenamaan', kerana asas kajiannya ialah personaliti pemimpin-pemimpin terkenal.

Sejak awal tahun 1900 sehingga sekarang, ribuan penyelidikan telah dilakukan untuk membuktikan andaian-andaian tersebut. Bagaimanapun, kajian-kajian berkenaan tidak begitu berjaya untuk menemui ciri-ciri pemimpin yang berjaya seperti yang dihipotesiskan

(Yukl 1994; Bass 1990). Umur dan jantina tidak merupakan sifat-sifat yang boleh membezakan antara pemimpin yang berjaya dengan pemimpin yang kurang berjaya. Namun begitu, terdapat secara tekal beberapa sifat yang dapat membezakan antara pemimpin yang berjaya dengan pemimpin yang tidak berjaya. Antaranya ialah kecerdasan, bijaksana, kematangan emosi, tabah, tekun, gigih, cekal, waspada, aktif, berdiplomasi, cergas, cermat, teliti, berpendidikan, berpengetahuan luas, cekap dalam proses membuat keputusan, mudah menyesuaikan diri, berinisiatif, bercita-cita tinggi, fasih bercakap, bermotivasi, bertanggungjawab, asertif, berkeinginan mengawal dan mempengaruhi orang lain, bertenaga, sihat, gaya penampilan diri yang menarik, jujur, sensitif kepada orang lain, fleksibel, stabil, dan mempunyai darjah keyakinan yang tinggi (Bass 1990; Lussier & Achua 2001; Howell & Costley 2001).

Selain sifat individu, satu lagi aspek yang diberi perhatian serius oleh para pengkaji ialah tingkah laku seseorang pemimpin. Pendekatan ini menghuraikan bahawa tujuan kepimpinan ialah untuk melaksanakan fungsi kelompok. Pendekatan ini berhujah bahawa bukanlah sifat atau ciri-ciri peribadi pemimpin yang menyebabkan matlamat organisasi tercapai dan orang-orang bawahan menjadi cemerlang, tetapi tingkah laku pemimpinlah yang merupakan faktor penting kepada keberkesanan organisasi (Yukl 1994). Lantaran itu, beberapa penyelidikan telah dilakukan bertujuan untuk mengetahui tingkah laku pemimpin yang berkesan (Yukl 1994).

Antara kajian terawal yang menggunakan pendekatan ini ialah kajian yang dilakukan oleh *Ohio State University Leadership Studies* yang diketuai oleh Hemphill. Kajian ini bermula dengan mendefinisikan kepimpinan sebagai tingkah laku pemimpin ketika mengarahkan ahli-ahli kelompok melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat organisasi.

Akhirnya, Hemphill dan rakan-rakannya menemui dua kategori tingkah laku kepimpinan yang dikenali sebagai pendayautamaan struktur (*initiating structure*) dan bertimbang rasa (*consideration*) (Bass 1990; Yukl 1994).

Bertimbang rasa dimaksudkan sebagai tingkah laku yang menunjukkan persahabatan, saling percaya mempercayai, hormat, mesra dan hubungan baik antara pemimpin dengan stafnya, memberi perhatian kepada orang bawahan, memberi penghargaan ke atas kerja-kerja yang baik, menekankan kepada kepuasan kerja, mempertingkatkan harga diri ahli-ahli organisasi, gemar berunding dan berbincang dengan orang bawahan, mudah didekati, sering membantu orang bawahan, mengambil kira pandangan orang bawahan sebelum membuat keputusan. Pendayautamaan struktur pula dimaksudkan sebagai pemimpin yang menyusun atur, menetapkan dan menjelaskan struktur perhubungan antara pemimpin dengan ahli-ahlinya, dan menetapkan bentuk dan saluran komunikasi, serta menetapkan cara menjalankan kerja dan matlamat (Halpin 1966). Kajian di *Ohio State University* ini menyimpulkan bahawa (a) pemimpin yang berkesan mengamalkan secara tinggi kedua-dua tingkah laku tersebut dan (b) pemimpin yang tidak berkesan mengamalkan secara rendah kedua-dua tingkah laku berkenaan.

Selain itu, terdapat banyak lagi penemuan-penemuan tentang sifat dan tingkah laku pemimpin-pemimpin yang berjaya. Antaranya ialah tegas, tenang, diplomasi, berwawasan, berupaya memotivasi orang lain, berfikiran strategik, merendah diri dan karismatik (Bass 1990; Cohen 1990; Bennis & Nanus 1985).

Berdasarkan penemuan kajian-kajian tersebut, secara amnya dapatlah disimpulkan bahawa untuk menjadi seseorang pemimpin yang

berupaya untuk mempengaruhi orang lain, pemimpin berkenaan hendaklah memiliki satu set sifat-sifat tertentu dan juga tingkah laku yang dianggap oleh orang bawahan sebagai 'baik' serta memberi penekanan kepada kehendak organisasi.

3. Sifat dan Tingkah Laku Pemimpin-pemimpin Dalam Hikayat Melayu Lama

Perbincangan pada bahagian ini dimulakan dengan menyenaraikan sifat-sifat dan tingkah laku watak-watak utama yang digambarkan dalam hikayat masing-masing.

3.1 Awang Sulung Merah Muda

Awang Sulung Merah Muda adalah merupakan tokoh utama dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda, di mana baginda adalah raja dan pemerintah negeri Semarang tanah Jawa, yang juga merupakan pemerintah kepada negeri Pasir Panjang, negeri Pati Talak Terengganu dan negeri Bandar Mengkaleh. Di dalam hikayat ini, banyak diceritakan tentang sifat dan tingkah laku Awang Sulung Merah Muda termasuklah juga ilmu pengajian baginda. Antara sifat yang diceritakan dalam hikayat ini ialah sifat dan tingkah laku baginda yang elok dan tiada bandingannya. Sifat-sifat ini digambarkan dengan jelas di beberapa tempat seperti berikut;

- “Maka dari jauh terpandanglah ia oleh Tuan Puteri Mayang Mengurai anak Uli Emak Hitam Pasir Panjang. Maka berlari-larilah Tuan Puteri itu mendapatkan bondanya sambil berkata: Wahai bondaku, tiada pernah anakanda melihat raja atau rakyat seelok parasnya semacam budak datang ini, bercahaya-cahaya...” (m.s. 100).

- “Maka hairanlah sekalian isi negeri Pati Talak Terengganu melihat Awang Sulung Merah Muda teramat sangat cantik gilang gemilang cahaya mukanya, memancar-mancar bagai empat belas haribulan purnama. (m.s. 93).
- Tuan Puteri Pinang Masak bertanya kepada bondanya. ‘Ayohai bondaku..... siapakah gerangan orang muda yang datang ini, terlampau elok rupanya, gilang gemilang bagai empat belas haribulan purnama” (m.s.96).
- Awang Sulung Merah Muda juga digambarkan sebagai orang yang bijaksana, bersopan santun, berbudi bahasa dan merendah diri (m.s 86; 92; 93; 94; 98; 101; 102; 104;). Misalnya, “Maka sembah Awang Sulung Merah Muda: ‘Baiklah, silakan tuan-tuan dahulu; kita mengikut di belakang” (m.s. 92). Satu lagi contoh merendah diri Awang Sulung Merah Muda ialah, “Maka menyembah Awang Sulung Merah Muda, ‘Patik dagang yang hina miskin hanyut merata-rata negeri” (m.s. 102). Contoh yang lain ialah, “Patik tiada tentu ayah bonda, tiada bernama, patik anak Sakai budak hitam Lubok Kembong Dalam” (m.s.104).
- Awang Sulung Merah Muda juga digambarkan dalam hikayat ini sebagai orang yang banyak memiliki ilmu dunia dan akhirat. Awang Sulung Merah Muda dihantar mengaji Al-Quran dan merawi di rumah Tuan Kadi Alim. Selain Al-Quran, Awang Sulung Merah Muda juga dihantar belajar kitab, nahu, mantek (ilmu cara berfikir) di rumah Tuan Malim Kecil. Awang Sulung Merah Muda juga dikatakan dibekalkan dengan ilmu silat, ilmu kebal dan ilmu tidak tenggelam di air.

3.2 Anggun Che Tunggal

Anggun Che Tunggal adalah merupakan tokoh utama dalam Hikayat Anggun Che Tunggal. Di dalam hikayat ini, banyak diceritakan tentang sifat dan tingkah laku Anggun Che Tunggal termasuklah juga ilmu pengajian baginda. Antara sifat yang diceritakan dalam hikayat ini ialah sifat dan tingkah laku baginda yang elok dan tiada bandingannya. Sifat-sifat ini digambarkan dengan jelas di beberapa tempat seperti berikut;

- Anggun Che Tunggal digambarkan di dalam hikayat ini sebagai orang yang banyak memiliki ilmu dunia dan akhirat. Anggun Che Tunggal dihantar mengaji Al-Quran di rumah Tuan Ulama. Selain Al-Quran, Anggun Che Tunggal juga mempelajari kitab, nahu, mantek (ilmu cara berfikir) dan tafsir. Selain itu, Anggun Che Tunggal juga dibekalkan dengan ilmu silat, ilmu kebal, ilmu kuat dan ilmu tidak tenggelam di air. Bukan setakat itu sahaja, Anggun Che Tunggal juga dihantar belajar adat istiadat lembaga resam (protokol) dan bahasa serta permainan dam, catur dan sepak raga.
- Tingkah laku yang paling banyak ditonjolkan dalam hikayat ini ialah gambaran tentang kesopanan dan budi bahasa Anggun Che Tunggal. Anak raja ini digambarkan sebagai seorang yang sangat bersopan santun. Misalnya, ketika Anggun Che Tunggal ingin mendapat perkenan nendanya, “ Ampun nenda beribu-ribu ampun, sembah cunda harapkan diampun,.....cunda pohonlah akan titah nenda supaya menambahkan fikiran cunda ini” (m.s. 21). Satu contoh lagi ialah, “Jikalau sudah dengan titah nenda, beranilah cunda permainan orang-orang di situ, jikalau tiada dengan titah nenda, tiadalah cunda berani melalui sekali-kali” (m.s. 21).

- Selain bersopan santun, Anggun Che Tunggal dikatakan orang yang cepat mesra, menghormati orang lain dengan tidak mengira kedudukannya. Anggun Che Tunggal juga mudah memberi senyuman kepada sesiapa pun. Petikan berikut menggambarkan tingkah lakunya;

“Maka Raja Anggun Che Tunggal dengan Bujang Selamat hampirlah dengan Nakhoda Bahar menyabong itu.

Setelah dilihat oleh Nakhoda Bahar akan Raja Anggun Che Tunggal itu, tercenganglah ia seketika melihatnya, kemudian baharulah ia memberi hormat seraya katanya, ‘silakan Tuanku semayam’.

Maka sahut Raja Anggun Che Tunggal, ‘Baiklah Che’ (Encik) Nakhoda.’

Maka ia pun lalulah duduk di atas kerusi, dan Nakhoda Bahar pun lalu persembahkan:

Tepak Palembang, cerana Banjar,
Kepada Raja Anggun Che Tunggal. Maka disambutnya dengan beberapa hormat seraya tersenyum.

Maka sembah Nakhoda bahar, ‘Silakan Tuanku kita bermain catur’.

Maka sabda Raja Anggun Che Tunggal, ‘Silakanlah Che’ Nakhoda, beta pun tiada berapa tahu bermain”’. (m.s.25 – 26).

- Selain itu, Anggun Che Tunggal juga dikatakan seorang yang lemah lembut serta beradat. Contohnya; “Hatta, maka sekelian orang bermain sabungan judi itu pun berhentilah melihat Raja Anggun Che Tunggal berjalan lemah gemalai lakunya lendip seperti mempelai...” (m.s. 26). Contoh beradat pula ialah apabila Anggun Che Tunggal di minta oleh Nakhoda Bahar supaya memula menggerakkan buah

caturnya, Anggun Che Tunggal bertitah; 'Tiada adatnya beta berjalan dahulu, siapa yang empunya majlis, dialah yang berjalan dahulu.' (m.s. 27).

3.3 Hang Tuah

Hang Tuah ialah tokoh utama dalam Hikayat Hang Tuah. Antara sifat-sifat Hang Tuah yang disebutkan dalam hikayat tersebut ialah seorang yang berani dan bersifat kepahlawanan, suka kepada cabaran, tidak mudah tunduk kepada halangan, ugutan dan kesulitan. Beliau juga digambarkan sebagai seorang yang mempunyai darjah kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Sultan-sultan Melaka. Selain itu, Hang Tuah juga dikatakan seorang yang pintar dan panjang akal. Dia tidak akan tertangguh-tangguh menggunakan kepintarannya apabila dia mendapati kekuatan dan keberaniannya tidak akan mendatangkan hasil. Banyak peristiwa-peristiwa yang menggambarkan beliau adalah seorang yang pintar, misalnya ketika berlawan dengan Taming Sari dan Hang Jebat.

Selain sifat-sifat di atas, Hang Tuah juga mempunyai sifat-sifat berkeupayaan mengawal diri, tidak mudah panik, berwaspada dan berdiplomasi serta berfikir panjang. Banyak peristiwa-peristiwa yang menunjukkan beliau adalah seorang yang teliti, berfikir panjang, berwaspada dan tidak panik. Hang Tuah juga digambarkan seorang yang fasih bercakap, tidak mudah hilang akal, berfikiran tajam, dan tegas, di samping bersopan santun. Hang Tuah adalah merupakan orang yang memiliki kelebihan kekuatan dan keberanian, tetapi beliau tidak sombong atau bongkak. Dia sentiasa merendah diri dan baik hati serta tidak pernah mencabar orang-orang lain. Segala apa yang dijanjinya tetap dikotakan. Yang paling menarik tentang tingkah laku Hang Tuah ialah beliau adalah merupakan seorang yang tidak pernah menggunakan kedudukannya untuk kepentingan diri sendiri walaupun

dia tahu dia mempunyai kekuatan dan kekuasaan. Dia dikatakan seorang yang sangat bertimbang rasa kepada mereka yang lemah dan miskin.

Selain sifat-sifat dan tingkah laku yang digambarkan, Hang Tuah juga mempunyai ilmu yang tinggi, berkeupayaan bertutur dalam banyak bahasa dan mempunyai pelbagai kemahiran. Ketika masih kecil lagi beliau telah belajar silat dan berguru dengan Adi Putera. Semua sifat dan kebolehan ini menyebabkan beliau dihormati semasa menjalankan tugasnya sebagai diplomat. Di arena antarabangsa (China, Siam, Majapahit, Benua Keling) dia mengengahkan imej Melaka sebagai satu bangsa yang berpengetahuan luas, berketrampilan dalam bidang perdagangan dan diplomasi. Beliau banyak berpegang kepada falsafah seperti; "Biar mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat".

4. Persoalan

Pada keseluruhannya ketiga-tiga pemimpin tersebut (Awang Sulung Merah Muda, Anggun Che Tunggal dan Hang Tuah) mempunyai sifat-sifat tingkah laku terpuji. Namun begitu, pada peringkat ini timbul pula dua persoalan, iaitu; (1) Adakah sifat-sifat dan tingkah laku pemimpin-pemimpin dalam hikayat-hikayat tersebut selari dengan teori-teori kepimpinan moden? (2) Jika selari, adakah boleh kita anggapkan bahawa sifat dan tingkah laku pemimpin-pemimpin tersebut sebagai suatu luahan keperluan masyarakat?

Secara amnya, tidaklah keterlaluan jika dikatakan sifat-sifat dan tingkah laku pemimpin-pemimpin dalam hikayat Melayu lama ini adalah selari dengan dapatan-dapatan kajian yang ditemui dalam kajian-kajian kepimpinan di Barat yang dikaji sejak awal tahun 1900 sehingga

sekarang. Walaupun demikian, watak-watak dalam hikayat Melayu lama ini masih dilihat sebagai watak dongeng yang sengaja diperbesar-pesarkan hingga dikatakan tidak masuk akal. Namun begitu, seperti kata Prof. Mohd Taib Othman (1963: ix), "Cerita-cerita rakyat dengan alam keghaibannya mungkin membosankan kita. Tetapi jikalau kita menungkan sebentar, terlihat juga pada kita nanti betapa tajamnya perhatian pengolah-pengolah cerita rakyat itu terhadap manusia dan hidupnya. Tidakkah hasil-hasil sastera, baik yang moden maupun yang lama itu, sebanyak sedikit merupakan pencerminan hidup manusia?". Jika pendapat ini diterima, maka bolehlah kita anggapkan watak-watak ini sebagai cerminan hidup masyarakat tentang orang yang macam manakah yang patut menjadi pemimpin. Jika anggapan ini diterima, bererti seseorang yang ingin menjadi pemimpin hendaklah mempunyai sifat-sifat dan tingkah laku seperti yang digambarkan dalam hikayat-hikayat tersebut.

Yang paling menarik untuk direnungkan ialah sifat-sifat dan tingkah laku watak-watak utama dalam hikayat Melayu lama ini mempunyai imej yang sama sahaja, iaitu watak ini dimulakan dengan tanda-tanda dan kehebatan fizikal, kemudian dididik dan dilatih dengan pelbagai ilmu dunia dan akhirat dan seterusnya digambarkan sebagai seorang yang memiliki sifat dan tingkah laku yang terpuji yang sangat baik bagi pandangan seluruh alam. Sifat-sifat ini jika kita renungkan adalah merupakan sifat yang disukai oleh semua orang dahulu kala dan tidak keterlaluan jika kita katakan sifat-sifat dan tingkah laku tersebut juga adalah merupakan sifat dan tingkah laku unggul yang patut ada pada setiap pemimpin hari ini. Oleh itu, secara tidak langsung dapatlah dirumuskan bahawa sebenarnya hikayat-hikayat ini telah menyarankan kepada kita bahawa sesiapa yang ingin menjadi pemimpin dalam masyarakat Melayu lama hendaklah mempunyai sifat-sifat dan tingkah laku yang baik serta memiliki ilmu yang tinggi. Di sini timbul pula satu

persoalan, adakah gambaran sifat dan tingkah laku yang diperlukan dalam masyarakat Melayu lama tersebut tidak boleh dipakai dalam dunia moden? Jika sifat dan tingkah laku dalam hikayat lama tersebut adalah bersamaan dengan sifat-sifat dan tingkah laku dalam teori kepimpinan moden, maka sudah pastilah persoalan tersebut perlu dijawab dengan perkataan 'boleh'.

5. Penutup

Jika kita bersetuju bahawa sifat-sifat dan tingkah laku pemimpin dalam hikayat Melayu lama selari dengan teori-teori kepimpinan moden dan sifat-sifat serta tingkah laku ini merupakan suatu keperluan dalam dunia kepimpinan, adalah dicadangkan supaya setiap orang yang berhasrat menjadi pemimpin walau di peringkat mana pun hendaklah mengkaji dengan mendalam sifat-sifat dan tingkah laku watak-watak dalam hikayat Melayu lama yang sudah sekian lama ditinggalkan oleh ramai orang. Selain itu dicadangkan juga supaya buku-buku klasik dibaca secara seimbang oleh murid-murid sekolah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi seperti yang pernah berlaku dalam masyarakat Virginia di Amerika Syarikat dalam abad ke-18. Walaupun Virginia pada ketika itu tidak memiliki sebuah bandar raya dan universiti, tetapi masyarakat Virginia telah dapat melahirkan beberapa orang presiden dan tokoh-tokoh ternama Amerika Syarikat seperti Benjamin Franklin, George Washington, Thomas Jefferson, John Adams dan James Madison. Keadaan ini berlaku disebabkan masyarakat Virginia pada masa itu menjadikan buku-buku klasik sebagai buku yang wajib dibaca oleh kanak-kanak, sehinggakan ibu bapa yang hampir dengan mati mewasiatkan anak-anaknya supaya membaca buku-buku klasik. Satu contoh wasiat ialah seperti berikut:

"I leave to my son, when he shall have reach the age of fifteen, the work of Algernon Sydney, John Locke, Bacon, Gordon's Tacitus and Cato's Letters. May the spirit of Liberty rest upon him".

Sehubungan itu, adalah tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa sebenarnya kita memiliki khazanah ilmu peribumi yang banyak untuk diselidiki dan diamalkan. Jika kita terus menerus mengkaji sumber-sumber peribumi ini, saya percaya satu model kepimpinan kita sendiri boleh kita lahirkan. Namun begitu sehingga sekarang boleh dikatakan tiada percubaan untuk membongkar rahsia kepimpinan berdasarkan khazanah tempatan. Saya percaya jika kita memiliki bahan-bahan peribumi, kita mungkin tidak banyak memerlukan bahan-bahan Barat. Sebenarnya kita mempunyai banyak bahan sejarah yang menceritakan kehebatan tokoh-tokoh kita seperti sifat-sifat dan tingkah laku Sultan Mansor Syah, Sultan Alauddin Riayat Shah, Bendahara Tun Perak, Bendahara Sri Maharaja, Dato' Maharaja Lela, dan banyak lagi. Semoga penerokaan akan datang akan menemui suatu hasil penting untuk dijadikan model dalam pengurusan dan kepimpinan masa akan datang.

Rujukan:

- A.Samad Ahmad. (pngr).(1997). *Sulatatus Salatin: Sejarah Melayu*. Edisi pelajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bass, B.M. (1990). *Bass & Stogdill's handbook of leadership*. New York: The Free Press.
- Cohen, W.A. (1990). *The art of the leader*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Howell, J.P. & Costley, D.L. (2001). *Understanding behaviors for effective leadership*. New Jersey: Prentice-Hall.

- Kassim Ahmad. (pnyt).(1975). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1964). *Perwatakan dalam hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2001). *Leadership: theory, application and skill development*. Sydney: South-Western College publishing.
- Muhammad Yusoff Hashim & Abdul Rahman Kaeh. (1994). *Sejarah Melayu: persepsi sejarah dan kesusasteraan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1964). *Hikayat Anggun Che' Tunggal*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Pawang Ana & Raja Haji Yahya. (1970). *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Yukl, G. (1994). *Leadership in organization*. 3rd. Ed. New Jersey: Prentice-Hall Inc.

29102001